

23/06/2001

Program Radio Ikim akan dikaji

KUALA LUMPUR, Jumaat - Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) akan menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menilai program yang disiarkan Radio Ikim FM supaya mencapai matlamat penubuhannya.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata jawatankuasa itu yang dianggotai kakitangan dan pegawai Ikim akan memasti program yang disiarkan radio itu tidak bercanggah dengan kehendak agama.

"Penubuhan Ikim FM itu di harap akan memudahkan kita untuk menyalur dan menyebarkan maklumat mengenai Islam kepada orang ramai termasuk mereka yang bukan beragama Islam," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) ke-9 di sini, hari ini.

Dr Ismail berkata, stesen radio Islam itu akan beroperasi sepenuhnya ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak selewat-lewatnya hujung bulan Ogos ini sebaik saja dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Julai ini.

"Siaran radio Ikim FM boleh didengar selama 24 jam melalui gelombang 91.5 FM di Lembah Klang dan kini ia masih dalam proses transmisi frenkusi bagi meningkatkan perkhidmatan," katanya.

Beliau berkata, radio Ikim FM sudah ke udara melalui frekuensi percubaan sejak beberapa bulan lalu untuk mendapat maklum balas pendengar.

(END)